

bentang tiga laporan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) akan menyentuh isu Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC), Sekolah Sukan Malaysia Perlis dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) serta Penjualan Tanah Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam tiga laporannya yang akan dibentang dua minggu lagi.

Pengerusinya, Wong Kah Woh berkata, PAC mengadakan taklimat oleh Sekretariat PAC berhubung prosedur, tadbir urus serta punca kuasa jawatankuasa dalam mengadakan mesyuarat sebaik pelantikan 12 ahli dibuat kelmarin.

"Keutamaan kepada kes yang tertangguh sebelum ini dan berhasrat membentangkan sekurang-kurangnya tiga laporan dalam dua minggu akan datang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kah Woh berkata, PAC akan mengambil langkah menyiapkan laporan yang belum dimuktamadkan antaranya isu Kawalan Pekerja Asing dan Perkhidmatan Pendidikan Malaysia Global (EMGS).

Katanya, PAC berhasrat memanggil semula Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Mohamad serta Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan, Tan Sri Ambrin Buang.

"Mereka dipanggil semula untuk memberikan taklimat berkenaan isu yang dicadangkan PAC sebelum ini iaitu isu Pengurusan Dana Mudahcara Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Perumahan Generasi Baharu FELDA, Pelan Pemulihan Syarikat Penerbangan MAS, Pertukaran Tanah Kementerian Pertahanan, iBestariNet dan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES)," katanya.